

- Pernyataan manakah menerangkan tujuan utama sesebuah perniagaan dijalankan?
  - Membina imej perniagaan.
  - Membantu usahawan membina kerjaya.
  - Menawarkan barang dan perkhidmatan yang diperlukan.
  - Menyahut cabaran kerajaan untuk menceburi bidang perniagaan.

- Apakah bentuk pemilikan perniagaan yang mempunyai ciri-ciri berikut:.

- Tidak dikenakan beban cukai.
- Aktiviti tidak berunsurkan politik.
- Modal perniagaan disumbangkan oleh anggota.
- Setiap anggota mempunyai hak untuk membuat keputusan.

- Koperasi
- Perkongasian
- Syarikat Awam Berhad
- Syarikat Sendirian Berhad

- Maklumat di bawah berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

Syarikat Petroleum Mobil menjalankan aktiviti perlombongan petroleum di Miri, Sarawak. Syarikat tersebut mempunyai 1000 orang pekerja.

Antara yang berikut yang manakah menerangkan klasifikasi perniagaan Syarikat Petroleum Mobil?

	Saiz perniagaan	Sektor perniagaan
A.	Kecil	Sektor utama
B.	Sederhana	Sektor kedua
C.	Besar	Sektor utama
D.	Besar	Sektor ketiga

- Apakah faktor luaran yang mempengaruhi persekitaran sesebuah perniagaan?
  - Pemasaran
  - Pengeluaran
  - Sosiobudaya
  - Sumber Manusia

- Gambar di bawah menunjukkan beberapa logo.



Apakah peranan pihak di atas?

- Menggubal akta
- Mentadbir negara
- Menguatkuasakan undang-undang
- Menangani isu-isu kawasan tempatan

- Maklumat berikut berkaitan berkaitan dengan gaya pengurusan.

Puan Anita merupakan seorang majikan di Syarikat Baiduri Sdn Bhd. Beliau telah mewujudkan suasana kerja yang kondusif, sentiasa menjaga hubungan baik dan bertoleransi dengan pekerjanya.

Apakah jenis gaya pengurusan yang dilaksanakan oleh Puan Anita?

- Gaya pengurusan autokratik.
- Gaya pengurusan sokongan.
- Gaya pengurusan sederhana.
- Gaya pengurusan demokratik.

- Sesebuah perniagaan pembekalan tenaga merancang menggunakan Carta Gantt untuk merancang pelaksanaan pembekalan tenaga di tiga buah daerah di Semenanjung Malaysia. Apakah ciri objektif yang baik telah diaplikasikan dalam operasi perniagaan tersebut?

- Spesifik
- Boleh diukur
- Jangka masa
- Boleh dicapai

- Maklumat berikut menunjukkan kadar peratusan penguasaan syer pasaran bagi tiga syarikat produk kecantikan :

- Syarikat A : 30 %
- Syarikat B : 25%
- Syarikat C : 45%

Dalam pasaran tersebut terdapat seramai 100,000 pengguna. Hitungkan bilangan pengguna yang membeli produk kecantikan daripada Syarikat A.


- A. 25,000 pengguna
- B. 30,000 pengguna
- C. 45,000 pengguna
- D. 55,000 pengguna

9. Apakah kesan kepada perniagaan akibat gagal mencapai matlamat dan objektif ?
- A. Imej perniagaan terjejas
  - B. Pekerja terpaksa dihentikan
  - C. Perniagaan terpaksa ditutup
  - D. Pengeluaran terpaksa dikurangkan
10. Pernyataan di bawah tentang maksud satu huraian strategi analisis SWOT.

Kelebihan yang diperoleh kesan daripada perubahan yang berlaku dalam persekitaran luaran perniagaan seperti perubahan cita rasa pelanggan.

- Apakah strategi tersebut ?
- A. Peluang.(Opportunity)
  - B. Ancaman (Threats)
  - C. Kekuatan (Strengths)
  - D. Kelemahan (Weakness)

11. Rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada struktur organisasi.



- Apakah tujuan struktur organisasi di atas dibentuk?
- A. Mengeratkan hubungan anggota kerja.
  - B. Menilai tahap kedudukan dalam organisasi.
  - C. Membandingkan prestasi bahagian.
  - D. Mengatahui tanggungjawab, kedudukan, dan spesifikasi tugas.

12. Maklumat berikut berkaitan dengan bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.

- Menghasilkan barang dan perkhidmatan
- Menukarkan input kepada output

- Apakah bahagian fungsian tersebut ?
- A. Pemasaran
  - B. Pengagihan
  - C. Pengeluaran
  - D. Sumber manusia

13. Antara yang berikut, manakah elemen campuran pemasaran?
- I Harga
  - II Produk
  - III Teknologi
  - IV Bahan mentah
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

14. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan bahagian fungsian.

- Memastikan barang sampai kepada pengguna pada masa dan tempat yang ditetapkan.
- Menentukan jenis pengangkutan dan destinasi penghantaran.

Apakah bahagian fungsian tersebut ?

- A. Bahagian fungsian jualan
- B. Bahagian fungsian pembelian
- C. Bahagian fungsian pengagihan
- D. Bahagian fungsian khidmat pelanggan

15. Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan kebajikan pekerja dijaga dengan baik ?
- A. Gaji berpatutan.
  - B. Kemudahan pengangkutan.
  - C. Penempatan mengikut kelayakan.
  - D. Pengagihan kerja dibuat secara adil.

16. Apakah kepentingan insentif kepada pekerja ?
- A. Menaikkan imej pekerja.
  - B. Pekerja merasai dihargai.
  - C. Berpeluang naik pangkat.
  - D. Menambahkan pendapatan.

17. En. Fuad, seorang pegawai pemasaran di Syarikat Juang. Dia didapati tidak menepati waktu bekerja seperti datang lewat dan keluar pada waktu pejabat. Apakah jenis kesilapan dan tindakan yang patut diambil oleh majikan ?

	Kesalahan	Tindakan Majikan
A.	Tidak beretika	Dipecat kerja
B.	Ponteng kerja	Amaran bertulis
C.	Pecah amanah	Ditahan kenaikan gaji
D.	Salah guna asset syarikat	Tiada kenaikan pangkat

18. Mengapakah latihan dan pembangunan penting kepada pekerja di sesebuah pasar raya?
- Boleh bekerja secara bergilir.
  - Meningkatkan komitmen pekerja
  - Meningkatkan kemahiran pekerja.
  - Boleh berhadapan dengan pelanggan.
19. Apakah yang dimaksudkan dengan keboleherjaan.
- Etika kesihatan yang baik.
  - Keupayaan untuk bekerja.
  - Sifat tubuh badan yang sempurna.
  - Kemahiran yang dimiliki oleh pekerja.
20. Apakah sumber fizikal yang terdapat dalam sebuah kilang menjahit pakaian?
- Kain ela
  - Seterika
  - Mesin pengadun
  - Mesin pembancuh
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV
21. Antara yang berikut, yang manakah dikategorikan sebagai sumber teknologi?
- Video
  - Muzik
  - Produk
  - Bahan mentah
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV
22. Mengapakah pengurusan hak cipta terpelihara amat penting bagi usahawan?
- Berkeupayaan untuk menyelesaikan masalah
  - Memastikan kelancaran produktiviti perniagaan
  - Menjamin sumber teknologi dapat berfungsi dengan baik
  - Melindungi hasil ciptaan supaya tidak disalah guna untuk kepentingan pihak lain.
23. Antara yang berikut, yang manakah dapat melindungi stok dalam gudang perniagaan
- Insurans kecurian
  - Insurans kebakaran
  - Insurans jaminan setia
  - Insurans penghantaran barang tertanggung
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV
24. Apakah tujuan usahawan menguruskan stok ?
- Memastikan stok barangan sentiasa kemas dan tersusun.
  - Memastikan pengurus stok menyelia barangan di dalam stor.
  - Mengelakkan berlakunya kekeliruan terhadap barang yang dijual.
  - Memastikan stok barangan sentiasa ada apabila dikehendaki.
25. Antara yang berikut, yang manakah merupakan modal bagi perniagaan kedai gunting rambut?
- Pekerja
  - Pelanggan
  - Wang tunai
  - Peralatan menggunting
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV
26. Encik Mamu merupakan pengurus dan pemilik sebuah pasar raya. Antara berikut, yang manakah sumber pembiayaan dalaman bagi Encik Mamu ?
- Sewa beli
  - Pemfaktoran
  - Simpanan peribadi
  - Modal daripada keuntungan
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV
27. Apakah kelemahan jika sesebuah perniagaan mendapatkan pembiayaan daripada agensi kerajaan ?
- Tempoh bayaran balik pendek
  - Jumlah pinjaman adalah terhad
  - Dikenakan kadar faedah yang tinggi
  - Mendapatkan khidmat nasihat kewangan
28. Syarikat J&D Berhad mendapat kontrak penghantaran dari kerajaan selama 3 tahun. Syarikat ingin menambahkan bilangan lori syarikat sebanyak lima buah. Setiap lori dianggarkan berharga RM120 000. Sumber pembiayaan luaran manakah yang paling sesuai digunakan oleh syarikat berkenaan ?
- Syer
  - Pajakan
  - Overdraf
  - Sewa beli

29. Jadual di bawah menunjukkan nilai aset, liabiliti dan ekuiti pemilik Syarikat Zaujah.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
<b>Y</b>	RM6 768	RM14 472

Hitung nilai **Y** ?

- A. RM35 712  
 B. RM21 240  
 C. RM14 472  
 D. RM6 768
30. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Puan Hasnah yang menjual nasi lemak.

	RM
Jualan nasi lemak	520
Kos menghasilkan nasi lemak	280
Bil air dan elektrik	15
Belanja am	30
Jualan tunai kain pasang	980


Berapakah keuntungan yang diperolehi daripada jualan nasi lemak?

- A. RM325                      C. RM195  
 B. RM240                      D. RM475
31. Antara yang berikut, manakah merupakan pihak yang memerlukan penyata kewangan sesebuah perniagaan ?
- I Pelabur  
 II Penjamin  
 III Peminjam  
 IV Pemegang saham
- C. I dan II                      C. II dan IV  
 D. I dan IV                      D. III dan IV
32. Apakah kepentingan menganalisis Kunci Kira-kira kepada usahawan ?
- I. Meramal pencapaian prestasi perniagaan pada masa hadapan  
 II. Merancang strategi untuk mengawal jumlah perbelanjaan operasi  
 III. Dapat mengetahui jumlah aset semasa dan aset bukan semasa  
 IV. Dapat mengetahui jumlah tanggungan perniagaan seperti ekuiti pemilik
- A. I dan II                      C. II dan III  
 B. I dan IV                      D. III dan IV

33. Antara yang berikut, yang manakah adalah ciri-ciri keperibadian seorang yang digelar usahawan?
- I Berani menghadapi isu  
 II Pandai berkomunikasi  
 III Komitmen yang tinggi  
 IV Semangat berpasukan
- A. I dan II                      C. II dan IV  
 B. I dan IV                      D. III dan IV

34. Pemilihan lokasi perniagaan yang baik sangat penting kerana lokasi yang baik dapat meningkatkan jualan perniagaan. Apakah ciri-ciri lokasi yang baik ?
- I Mudah dikunjungi oleh pengguna  
 II Lokasi berjauhan dengan pesaing  
 III Kos mendapatkan tapak perniagaan rendah  
 IV Berhampiran dengan pelanggan dan pembekal
- C. I dan II                      C. II dan IV  
 D. I dan IV                      D. III dan IV

35. Rajah di bawah menunjukkan prosedur pendaftaran perniagaan milikan tunggal.




Pernyataan yang manakah yang betul tentang **X** ?

- A. Permohonan carian nama perniagaan  
 B. Melengkapkan borang kelulusan nama.  
 C. Menyerahkan bayaran pendaftaran perniagaan.  
 D. Mengisi Borang Pendaftaran Perniagaan (Borang A).
36. Antara yang berikut, maklumat manakah yang perlu tertera pada dokumen rasmi perniagaan ?
- I. Jenis perniagaan  
 II. Nama perniagaan  
 III. Bentuk perniagaan  
 IV. Nombor pendaftaran perniagaan
- A. I dan II                      C. II dan III  
 B. II dan IV                      D. III dan IV

37. Antara berikut, yang manakah merupakan dokumen pembelian ?
- I Memo
  - II Invois
  - III Bil tunai
  - IV Penyata bank
- A. I dan II                      C. II dan III  
 B. I dan IV                      D. III dan IV

38. Maklumat berikut adalah sebuah gambar dokumen perniagaan.



Apakah dokumen tersebut ?

- A. Resit
  - B. Memo
  - C. Slip daftar tunai
  - D. Baucer pembayaran
39. Antara yang berikut, yang manakah persamaan antara pemasaran dan jualan ?
- A. Aktiviti menjana keuntungan.
  - B. Aktiviti memenuhi permintaan pengguna.
  - C. Aktiviti yang mementingkan kualiti barang.
  - D. Aktiviti menyalurkan produk dan perkhidmatan.
40. Maklumat berikut berkaitan dengan cara-cara yang digunakan dalam sejenis promosi.

Merupakan satu kaedah jualan yang melibatkan interaksi dan pertemuan secara peribadi antara jurujual dengan bakal pelanggan

Apakah jenis promosi berkenaan ?

- A. Publisiti
- B. Pengiklanan
- C. Promosi jualan
- D. Jualan langsung

Ruangan Jawapan :

No.	Jawapan	No.	Jawapan
1		21	
2		22	
3		23	
4		24	
5		25	
6		26	
7		27	
8		28	
9		29	
10		30	
11		31	
12		32	
13		33	
14		34	
15		35	
16		36	
17		37	
18		38	
19		39	
20		40	